

Submission date:12 September 2023 Acceptance date :22 November 2023 Available online:31 Disember 2023

**PENGHAYATAN AKIDAH DALAM SURAH AL-FATIHAH MENURUT  
PENTAFSIRAN HAJI ABDUL MALIK BIN KARIM AMRULLAH (1908-1981)**

UNDERSTANDING THE FAITH IN *SURAH AL-FATIHAH* ACCORDING TO THE  
INTERPRETATION OF HAJI ABDUL MALIK BIN KARIM AMRULLAH (1908-  
1981)

\*<sup>i</sup>Muhammad Yusry Affandy bin Md Isa

<sup>i</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),  
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Corresponding Author; e-mail: [\\*yusry\\_affandy@usim.edu.my](mailto:*yusry_affandy@usim.edu.my)

DOI: [10.61465/jurnalyadim.v3.67](https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v3.67)

**ABSTRAK**

Hamka (w.1981M) selaku ulama tersohor Nusantara telah menekankan aspek akidah dalam pentafsiran *Surah al-Fatihah* menerusi karya tafsirnya *Tafsir al-Azhar*. Pentafsiran akidah dilakukan berpandukan metodologi pentafsiran tersendiri yang mencetuskan pentafsiran yang sarat dengan prinsip-prinsip khas dalam memantapkan akidah seorang muslim. Kajian kualitatif ini berobjektif untuk menganalisis metodologi pentafsiran *Surah al-Fatihah*. Seterusnya kajian berperanan mengeluarkan dan menjelaskan perspektif Hamka berhubung akidah yang wajar dijadikan pedoman dalam kehidupan muslim. Kajian ini penting dalam menjelaskan bahawa pentafsiran *Surah al-Fatihah* sentiasa memaparkan prinsip akidah yang sah untuk dihayati. Di samping itu, Hamka membuktikan kepercayaan akidah merupakan suatu kewajipan asasi bagi setiap individu Muslim. Kaedah kajian ini mengaplikasikan kaedah deduktif bagi mendapatkan fakta-fakta akidah di dalam pentafsiran *Surah al-Fatihah*. Kaedah deskriptif pula dijalankan bagi menghuraikan metodologi pentafsiran dan mewujudkan beberapa keterangan akidah di bawah pemikiran Hamka. Dapatan kajian terpenting ialah pendirian penghayatan akidah dalam *Surah al-Fatihah* adalah selari dengan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Keimanan kepada Allah S.W.T sentiasa ditekankan Hamka pada setiap ayat dan mempunyai kesamaan dengan kenyataan sebahagian kitab akidah sam ada aliran *salaf* atau *khalaf*. Hamka telah menekankan tentang kewajipan beriman kepada Allah dan nama-nama-Nya, kewajipan ber'*ubudiyyah* dan *isti'anah* dengan akidah yang sah dan mengesa umat Islam agar selalu memohon hidayah agar menjadi golongan diterima di sisi Allah dan terselamat daripada kesesatan akidah.

**Kata Kunci:** Penekanan, akidah, *Surah al-Fatihah*, Hamka

## ABSTRACT

Hamka (d.1981M) as a famous scholar of the archipelago has emphasized the aspect of faith in the interpretation of *Surah al-Fatihah* through his interpretation book's; *Tafsir al-Azhar*. The interpretation of the faith is done based on its methodology of interpretation which triggers an interpretation that is loaded with special principles in strengthening the faith of a Muslim. This qualitative study aims to analyze the methodology of interpretation of *Surah al-Fatihah*. Next, the study has the role of extracting and explaining Hamka's perspective on the faith that should be used as a guide in Muslim life. This study is important in explaining that the interpretation of *Surah al-Fatihah* always displays the principles of authentic faith to be lived. In addition, Hamka proves that belief is a fundamental obligation for every Muslim individual. This research method applies the deductive method to obtain the facts of faith in the interpretation of *Surah al-Fatihah*. Descriptive methods are used to describe the methodology of interpretation and create some evidence of faith under Hamka's thought. The most important finding of the study is that the position of the appreciation of the faith in *Surah al-Fatihah* is in line with the faith of *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Faith in Allah S.W.T is always emphasized Hamka in every verse and has similarities with the statement of some books of faith whether *salaf* or *khalaf*. Hamka has emphasized on the obligation to believe in Allah and His names, the obligation of *'ubudiyyah* and *isti'annah* with authentic beliefs and urged Muslims to always seek guidance to be accepted in the sight of Allah and saved from the error of belief.

**Keywords:** Spiritualization, faith, *Surah al-Fatihah*, Hamka

## PENDAHULUAN

Hamka merupakan ulama Nusantara yang berpengetahuan luas dalam ilmu akidah, syariah dan kerohanian. Hamka atau nama sebenarnya Haji Abdul Malik bin Karim Amrullah (1908-1981) telah mengarang *Tafsir al-Azhar* yang menjadi bukti pencapaian ilmunya yang luas. Menurut Ahmad Nuruddin (2002), penulisan Hamka tertumpu pada tiga bidang penulisan iaitu bidang agama, sastera dan penulisan ilmiah. Menurut penelitian Prof. Dr. Mohammad Redzuan Othman (2008), Hamka telah menghasilkan sebanyak 118 buah buku daripada pelbagai disiplin ilmu. Dalam bidang agama, karya terbesar yang dihasilkan ialah *Tafsir al-Azhar*. Hamka berjaya mentafsirkan setiap ayat al-Quran berasaskan pelbagai disiplin ilmu agama dan metodologi bersifat semasa termasuklah mengaplikasikan dakwah yang menarik.

Penekanan perihal akidah begitu ketara dalam pentafsiran *Surah al-Fatihah* yang terkandung pada permulaan *Tafsir al-Azhar*. Hamka mentafsirkan dengan pelbagai pendekatan dan menekankan perihal akidah pada setiap ayat tanpa ketinggalan. Kajian

kualitatif ini berobjektif untuk mendedahkan metodologi pentafsiran yang digunakan Hamka dalam mentafsirkan *Surah al-Fatihah*. Seterusnya kajian berperanan mengeluarkan dan menjelaskan prinsip akidah menurut perspektif Hamka untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan muslim.

## METODOLOGI

Tulisan ini dihasilkan berpandukan reka bentuk kajian kualitatif. Kaedah utama yang digunakan ialah kaedah pengumpulan data dan penganalisan data. Menerusi kaedah ini, penulis mengumpulkan pelbagai data daripada sumber manuskrip primer dan sekunder, seterusnya menjalankan penganalisan dokumen yang menyeluruh. Proses pengumpulan data ini dapat dilakukan dengan berkesan menerusi gerak kerja keputakaan.

Dalam proses penganalisan data, kaedah deduktif digunakan untuk bagi mendapatkan fakta-fakta akidah di dalam pentafsiran *Surah al-Fatihah*, *Tafsir al-Azhar*. Kaedah deskriptif pula digunakan bagi menghuraikan data-data tersebut termasuk rumusan tentang dapatan kajian.

Menurut Sidek Mohd Noh (2002), reka bentuk deskriptif biasanya dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta yang disasarkan. Seterusnya data diproses dengan kaedah deduktif dan deskriptif bagi menerangkan dasar perspektif Hamka berkenaan penghayatan akidah.

## HASIL ANALISIS DAN PERBINCANGAN

### KAEDAH MENTAFSIRKAN SURAH AL-FATIHAH

Hamka mentafsirkan *Surah al-Fatihah* dengan menggunakan pendekatan *tafsir bi al-ma'thur* dan *tafsir bi al-ra'yi*. Pendekatan *tafsir bi al-ma'thur* bermaksud pentafsiran al-Quran yang mengutamakan sandaran kepada nas-nas *naqli* dan pendapat di kalangan Sahabat dan Tabi'in (al-Dhahabi, 2005). Pendekatan *tafsir bi al-ra'yi* pula bermaksud pentafsiran al-Quran yang mengutamakan penerangan makna ayat dengan menggunakan perantaraan ijtihad tersendiri (al-Qattan, 2000). Metodologi pentafsiran Hamka dalam *Surah al-Fatihah* dapat dirangkumkan seperti berikut:

#### a) Mengemukakan pendapat ulama

Hamka mengemukakan pendapat ulama sebagai maklumat tambahan dan sokongan terhadap pentafsiran sesuatu ayat. Pendapat ulama yang dimaksudkan ialah pendapat

ulama tafsir yang bukan kalangan Sahabat dan Tabi'in. Hamka telah menggunakan metod ini pada ayat 6 dan 7 *Surah al-Fatihah*. Hamka mengemukakan pendapat Fudhail bin 'Iyadh (w.187H.) yang menyebut *Sirat al-Mustaqim* ialah jalan yang menyampaikan kepada kefarduan haji (*Ibid.*,:1:88). Dalam mentafsirkan ayat terakhir *Surah al-Fatihah*, Hamka telah mengemukakan empat jenis golongan sesat menurut perspektif Sayyid Rashid Rida daripada sumber *Tafsir al-Manar*.

Di samping itu, Hamka juga mengemukakan pendapat ulama secara umum. Beliau mengemukakan pendapat sebahagian ahli tafsir yang menegaskan manusia yang beriman perlu memohon tiga bentuk permohonan dalam bermunajat kepada Allah S.W.T. Pertama; *al-irshad* iaitu memohon anugerah kebijaksanaan untuk membezakan antara perkara yang benar dan perkara yang salah. Kedua; *al-tawfiq* iaitu petunjuk yang bertepatan dengan kehendak Tuhan. Ketiga; *al-dilalah* iaitu petanda-petanda atau ilham yang menghindarkan diri daripada sesuatu yang berbahaya (*Ibid.*,:1:87).

#### **b) Menerangkan makna kalimah dan syair Bahasa Arab**

Hamka sering menerangkan makna kalimah-kalimah penting yang bersangkutan isi *Surah al-Fatihah* iaitu kalimah *Allah*, *al-Rahman*, *al-Rahim*, *rab*, *al-'alamin*, *malik* dan *isti'annah*. Dalam menerangkan makna, terdapat dua metod yang digunakan Hamka. Pertama; menerangkan makna dengan disandarkan kepada pendapat ahli Bahasa Arab. Contohnya, Hamka menyatakan menurut pendapat Raghīb al-Asfahani, kalimah *Allah* adalah kalimah khas yang hanya ditujukan kepada zat Yang Maha Kuasa. Kalimah ini sedia digunakan masyarakat Arab sebelum perutusan Nabi Muhammad S.A.W. Kalimah *Allah* berasal dan berkembang kesan daripada kalimah *Ilah* yang bermaksud Tuhan (*Ibid.*,:1:75).

Kedua; menerangkan makna sesuatu kalimah dengan kefahamannya. Contohnya, dalam pentafsiran ayat 2 *Surah al-Fatihah*, Hamka menerangkan makna *al-'alamin* sebagai seluruh kejadian melainkan Allah S.W.T. Tuhan tidak termasuk dalam perihal kejadian (*Ibid.*,:1:79). Dalam pentafsiran ayat 4 *Surah al-Fatihah*, Hamka menerangkan makna kalimah *malik* adalah bererti menguasai Hari Pembalasan. Selanjutnya beliau menerangkan apabila kalimah ini dibaca tanpa huruf *alif* maka akan membawa makna Tuhan yang mempunyai Hari Pembalasan (*Ibid.*,:83).

Di samping menerangkan makna kalimah, Hamka telah memasukkan sebuah syair Arab seperti dalam pentafsiran ayat 4 *Surah al-Fatihah*. Syair Arab tersebut menyentuh hakikat perjalanan hidup manusia sering berdepan dengan masalah ketidakadilan sesama manusia. Hamka ingin mengaitkan kandungan syair tersebut sebagai perbandingan hakikat alam akhirat. Penguasaan Allah S.W.T. terhadap urusan akhirat adalah bebas daripada kemelut yang pernah berlaku di dunia (*Ibid.*,:1:83).

### c) Menerapkan pengetahuan ideologi dan falsafah

Pentafsiran ayat terakhir *Surah al-Fatihah* disempurnakan dengan menerapkan pengetahuan ideologi dan falsafah. Hamka memasukkan fakta tentang gerakan Deisme di Eropah. Gerakan ini mengakui kewujudan Tuhan tetapi menolak perutusan rasul dalam ajaran agama. Golongan sebegini melibatkan ahli-ahli falsafah di Barat dan mereka dapat dibahagikan kepada dua golongan. Golongan pertama ialah ahli falsafah yang mengakui kewujudan Tuhan atau berpegang dengan konsep kerohanian namun menolak peraturan-peraturan agama. Golongan kedua ialah ahli falsafah yang berkeyakinan terhadap konsep kepelbagaian Tuhan atau *polytheisme* (*Ibid.*,1:94). Hamka juga menyentuh ajaran *Nur Muhammad* yang ada diamalkan di kalangan umat Islam. Golongan sebegini memegang falsafah *al-haqiqah al-Muhammadiyah* iaitu fahaman Allah S.W.T. menjelma dalam alam ini dan jelmaan Tuhan tercetus dalam perutusan Nabi Muhammad S.W.T. (*Ibid.*,1:94).

Hamka menerapkan pengetahuan ideologi dan falsafah sebagai sokongan ilmu tambahan. Beliau tidaklah sama sekali menyakini pengetahuan tersebut. Hamka memasukkannya untuk tujuan perbandingan akidah dan mahu mendedahkan kepincangan fahaman berbanding pegangan tauhid yang suci bersih dalam ajaran Islam. Dalam konteks ini, pentafsiran bukan sahaja berdiri di atas akidah Islam bahkan turut dicambahkan pengetahuan idealisme asing bagi menyerikan persembahan pentafsiran *Surah al-Fatihah*.

### d) Menterjemahkan dengan makna menyeluruh

Pada awal pentafsiran, Hamka meletakkan terjemahan yang merangkumi ketujuh-tujuh ayat *Surah al-Fatihah*. Metod yang digunakan ialah terjemahan *maknawiyyah* iaitu terjemahan yang mengutamakan gambaran maksud dan tujuan ayat yang sempurna (Khairuddin, 2013). Terjemahan tidak dilakukan secara *harfiyyah* atau terjemahan perkata namun tetap

terjemahan berjaya meliputi makna ayat yang menyeluruh. Terjemahan *Surah al-Fatihah* ditampilkan seperti berikut (*Ibid.*,1:75):

Dengan nama Allah, Yang Maha Murah, Maha Penyayang. Segala puji-pujian untuk Allah, Pemelihara semesta alam. Maha Murah, Maha Penyayang. Yang mempunyai Hari Pembalasan. Hanya Engkau yang kami sembah, dan hanya kepada Engkau saja kami memohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus. Jalan orang-orang yang telah Engkau kurniai nikmat atas mereka; bukan (jalan) orang-orang yang sesat.

#### e) Memasukkan kisah iktibar

Hamka telah memasukkan kisah iktibar dalam pentafsiran ayat 3 dan 7 *Surah al-Fatihah*. Kisah iktibar yang dimaksudkan adalah kisah yang berkaitan dengan kisah kebaikan yang dilakukan individu berpengaruh dalam hidup Hamka dan kisah tauladan masyarakat. Sebagai contoh, Hamka menyentuh kisah ayahandanya Syeikh Abdulkarim Amrullah yang memelihara seekor kucing dengan penuh kasih sayang. Beliau memelihara kucing sehinggalah ke penghujung hayat (*Ibid.*,:1:81). Hamka juga memasukkan kisah seekor anjing yang setia dengan tua yang memeliharanya. Akhirnya anjing itu mati di stesen keretapi setelah menanti tuannya yang tidak kunjung tiba dari sebuah perjalanan yang jauh. Hamka menceritakan masyarakat di kawasan itu sudi menguburkan anjing di kawasan sekitar stesen keretapi. Dengan paparan kisah-kisah ini, Hamka ingin memaparkan iktibar bahawa kasih sayang sesama manusia dan haiwan adalah sesuatu yang amat dihargai Allah selaku Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala bakti manusia pasti berbalas di sisi-Nya (*Ibid.*,:1:82).

#### f) Menggunakan *dalil naqli*

Meskipun kebanyakan metod pentafsiran menggunakan kaedah *tafsir bi al-ra'yi*, namun Hamka tidak mengabaikan kaedah *tafsir bi al-ma'thur* yang berasaskan dalil *naqli* yang bertunjangkan nas al-Quran dan hadith. Pendalilan nas al-Quran telah digunakan dalam pentafsiran ayat 3, 4, 5 dan 7 *Surah al-Fatihah*. Menerusi metod pendalilan *naqli*, Hamka menggunakan ayat al-Quran sebagai hujah dan bahan sokongan dalam bentuk berikut:

- a. Teks ayat al-Quran: Hamka menampilkan teks al-Quran beserta terjemahan dan kedudukan ayat di dalam al-Quran. Sebagai contoh, dalam pentafsiran ayat 3 *Surah al-Fatihah*, Hamka mendatangkan dalil daripada ayat 17 *Surah al-Balad*. Beliau menyatakan bahawa untuk mendapatkan limpahan rahmat Tuhan Yang Maha

Pemurah, masyarakat Islam mestilah hidup saling bantu-membantu sebagaimana tuntutan ayat 17 *Surah al-Balad* (*Ibid.*,:1:82-83).

- b. *Munasabat* ayat al-Quran: Hamka mengaitkan *munasabat* (hubungan kesinambungan) ayat al-Quran tertentu tanpa mendatangkan ayat yang penuh. Kaedah ini dilakukan dalam pentafsiran ayat 4 dan 5 *Surah al-Fatihah*. Sebagai contoh, Hamka menyatakan ayat 4 *Surah al-Fatihah* mempunyai perkaitan erat dengan ayat 3 *Surah al-Fatihah* itu sendiri. Pentafsirannya menghuraikan bahawa *al-Rahim* dalam ayat ke- 3 merupakan nama Allah yang menjanjikan rahmat, perlindungan dan kebahagiaan buat manusia yang beriman di akhirat. Tatkala dibaca bersama ayat ke-4 *Surah al-Fatihah*, maka mencetuskan fahaman yang seimbang dalam menghayati akidah kepada Allah S.W.T. Fahaman yang timbul ialah manusia perlu mengetahui kemuliaan Allah S.W.T. dan seterusnya melakukan pengabdian dan pemujaan supaya beroleh rahmat-Nya disebabkan Dia sajalah Tuhan yang menguasai hal ehwal akhirat (*Ibid.*,:1:82- 84).

Pendalilan nas hadith telah digunakan dalam setiap ayat *Surah al-Fatihah*. Hamka menggunakan pendalilan hadith dalam dua keadaan:

- a. Teks hadith beserta riwayat: Kaedah ini hanya dilakukan dalam pentafsiran ayat 1, 3 dan 6 *Surah al-Fatihah*. Sebagai contoh, Hamka mendatangkan sebuah teks hadith sebagai sokongan pentafsiran bahawa Allah S.W.T. akan melimpahkan rahmat-Nya dengan statusnya agung-Nya iaitu *al-Rahman* dan *al-Rahim*. Teks hadith bersanadkan riwayat Imam Ahmad, Abu Daud, al-Tirmizi dan al-Hakim daripada ‘Abd-Allah bin ‘Umar seperti berikut (*Ibid.*,:1:82):

الراحمون يرحمهم الرحمن ارحموا من في الأرض يرحمكم من في السماء

Maksudnya: *Orang-orang yang ada Rahim akan dirahmati oleh Tuhan yang Rahman, yang memberikan berkat dan Maha Tinggi. Sayangilah orang-orang yang dibumi, supaya kamu disayangi pula oleh yang di langit.*

(Hadith *hasan* menurut Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani (t.t.)

- b. *Mafhum* hadith tanpa teks hadith: Dalam mentafsirkan makna *jalan yang lurus*, Hamka memasukkan tiga *mafhum* hadith (*Ibid.*,:1:88):
- i. Riwayat Ibn Abi Hatim bersumberkan Ibn ‘Abbas R.A. yang menyatakan bagi mendapatkan jalan yang lurus, seseorang itu perlu memohon petunjuk agama yang benar.
  - ii. Riwayat Jabir bin ‘Abdullah R.A. mentafsirkan *sirat al-mustaqim* dengan makna Islam.
  - iii. Riwayat Ibn Mas’ud R.A. mentafsirkan makna *jalan yang lurus* ialah Kitab Allah.
- c. *Mafhum* hadith beserta terjemahan sebahagian hadith: Ketika mentafsirkan makna *sirat al- mustaqim*, Hamka mengemukakan sebuah *mafhum* hadith dan sebahagian terjemahannya. *Mafhum* hadith adalah daripada *sanad* riwayat Ahmad, al-Tirmizi, al-Ibn Jarir, Ibn al-Munzir, Abu Syaikh, al-Hakim. Ibn Mardhawaih dan al-Baihaqi yang juga menyamai riwayat al-Nawwas Ibn Sam’an. Hadith tersebut mengibaratkan *sirat al-mustaqim* sebagai jalan yang lurus yang berada di antara dua dinding yang tinggi. Jalan yang lurus ini sentiasa memanggil-manggil manusia ke arahnya dan mahukan manusia terselamat daripada memasuki pintu-pintu asing di sebalik dinding-dinding (*Ibid.*,:1:88)

### **PENGHAYATAN AKIDAH MENERUSI PENGAMALAN KETERANGAN UTAMA DALAM PENTAFSIRAN**

Penekanan Hamka berhubung konteks penghayatan akidah terbina hasil daripada kefahamannya terhadap beberapa pendapat ulama, rujukan tafsir dan kitab akidah. Inisiatif Hamka dapat ditinjau seperti huraian berikut:

#### **Menjelaskan istilah dan kenyataan akidah berdasarkan *ijtihad* tersendiri**

*Ijtihad* Hamka berlaku apabila beliau mengemukakan pendapat berdasarkan dalil atau hujah tersendiri tanpa disandarkan pendapat ulama secara khusus. *Ijtihad* yang dimaksudkan ialah dalam bentuk menekankan istilah dan kenyataan khas akidah yang diulang-ulang dalam sesuatu bahagian pentafsiran ayat. Tujuan *ijtihad* beliau adalah untuk merumuskan makna ayat untuk difahami umat Islam. *Ijtihad* utama dalam konteks akidah seperti berikut:



Jadual 1.1

Kedudukan ayat <i>Surah al-Fatihah</i>	<i>Ijtihad</i> utama dalam konteks akidah
Ayat 1	Nama Allah sebagai Zat Yang Maha Tinggi, Maha Mulia dan Maha Kuasa ( <i>Ibid.</i> ,:1:75). <i>Ijtihad</i> ini dikemukakan berdasarkan rumusan ahli-ahli Bahasa Arab.
Ayat 2	Kandungan ayat ini dapat diamalkan menerusi <i>tauhid uluhiyyah</i> dan <i>tauhid rububiyah</i> ( <i>Ibid.</i> ,:1:80). <i>Ijtihad</i> ini dikemukakan hasil daripada makna kalimah <i>ilah</i> dan <i>rab</i> tanpa diiringi dalil tertentu.
Ayat 3	Didahulukan nama <i>al-Rahman</i> dan <i>al-Rahim</i> ialah untuk menyangkal fahaman manusia bahawa Tuhan adalah sesuatu yang amat ditakuti, menyeramkan dan kejam sehingga manusia terpaksa menyembah-Nya ( <i>Ibid.</i> ,:1:80). <i>Ijtihad</i> ini dikemukakan tanpa diiringi dalil tertentu.
Ayat 4	<i>Khauf</i> (takutkan Allah) dan <i>Raja'</i> (mengharapkan rahmat Allah) adalah keperluan yang diperlukan dalam jiwa manusia dalam mempercayai perhitungan akhirat ( <i>Ibid.</i> ,:1:84). <i>Ijtihad</i> ini dikemukakan tanpa diiringi dalil tertentu. Hamka memasukkan unsur Tasawwuf untuk dikaitkan dengan fakta akidah.
Ayat 5	<p>Tauhid yang bercelaru ialah mengakui Allah S.W.T. sebagai penganugerah nikmat tetapi tidak mahu menyembah dan berterima kasih kepada-Nya. Ini adalah pegangan <i>mushrik</i> (<i>Ibid.</i>,:1:85). <i>Ijtihad</i> ini dikemukakan tanpa diiringi dalil tertentu.</p> <p>Tidak dibenarkan untuk mempercampuradukkan antara <i>isti'annah</i> dan <i>mu'awanah</i> (<i>Ibid.</i>,:1:87). <i>Ijtihad</i> ini dikemukakan tanpa diiringi dalil tertentu.</p> <p>Meminta pertolongan dalam hal kebaikan atau urusan kesihatan adalah dibenarkan kerana diperintahkan dalam agama (<i>Ibid.</i>,:1:87). <i>Ijtihad</i> ini dikemukakan dengan diiringi dalil ayat 2 <i>Surah al-Maidah</i>.</p> <p>Dasar tauhid melarang meminta terus kepada kubur guru atau orang alim yang dipandang keramat. Ini kerana tidak masuk akal mereka boleh membantu orang yang hidup. Termasuk amalan memuja keris pusaka juga adalah dilarang (<i>Ibid.</i>,:1:87). <i>Ijtihad</i> ini dikemukakan tanpa diiringi dalil tertentu.</p>

Ayat 6	Permohonan yang dimaksudkan ialah memohon petunjuk dan pimpinan ke jalan yang lurus. Jalan yang lurus meliputi agama, Kitab Allah dan memperoleh petunjuk yang mendatangkan kesejahteraan ( <i>Ibid.</i> :1:87). <i>Ijtihad</i> ini dikemukakan berdasarkan rumusan ahli-ahli tafsir.
Ayat 7	<p><i>Isti'anah</i> yang dibenarkan ialah dengan dasar pedoman al-Quran (<i>Ibid.</i>:1:91). <i>Ijtihad</i> ini dikemukakan tanpa diiringi dalil tertentu.</p> <p>Maksud memohon petunjuk Allah S.W.T. dalam konteks yang luas ialah memohon petunjuk antara perkara yang benar dengan perkara yang salah, petunjuk dalam akhlak, sosial, ekonomi, politik dan sebagainya daripada aktiviti kehidupan manusia (<i>Ibid.</i>:1:91). <i>Ijtihad</i> ini dikemukakan tanpa diiringi dalil tertentu.</p> <p>Golongan yang dimurkai ialah manusia yang berdepan dengan perutusan para rasul dan kitab tetapi masih mahu menuruti hawa nafsu, merasakan diri lebih pintar dan rela mengikuti tipu daya syaitan (<i>Ibid.</i>:1:91-92). <i>Ijtihad</i> ini dikemukakan tanpa diiringi dalil tertentu.</p> <p>Golongan yang sesat ialah manusia yang mengadakan ajaran atau fahaman yang bertentangan dengan ketetapan Tuhan (<i>Ibid.</i>:1:93). <i>Ijtihad</i> ini dikemukakan tanpa diiringi dalil tertentu.</p>

### Memahami makna kalimah Allah

Dalam pentafsiran ayat 2 *Surah al-Fatihah*, Hamka mengajak para pembaca untuk memahami bahawa pujian khas adalah dikhususkan kepada Allah selaku Tuhan yang menjadikan pelbagai kejadian alam (Hamka, 1982). Sebelum menghayati kebesaran kejadian alam, tuntutan utama dalam akidah ialah terlebih dahulu mempercayai kewujudan Allah S.W.T. Hamka menghuraikan makna kalimah *Allah* sebagai Zat Yang Maha Tinggi, Maha Mulia dan Maha Kuasa (*Ibid.*:1:75).

Makna kalimah *Allah* tersebut hasil daripada keterangan alim ulama daripada aliran *salaf* dan *khalaf*. Menurut pendapat ulama muktabar dalam dua aliran tersebut, kalimah *Allah* berasal daripada Bahasa Arab. Ini berasaskan pendapat Muhammad bin Idris al-Shafi'i (w.204H), Muhammad Ibn al-Hasan (w.189H), Abu al-Hasan al-'Asha'ari (w.324H), Muhammad bin Ibrahim al-Khattabi (w.388H), 'Abd al-Malik bin 'Abd-Allah atau Imam al-

Haramain (w.493H), Muhammad bin Muhammad al-Ghazali (w.505H), Muhammad bin ‘Umar al-Razi (w.606H) dan kebanyakan ahli usul dan fiqh. Ulama Bahasa Arab seperti al-Khalil bin Ahmad (w.173H), ‘Amr Ibn ‘Uthman atau Sibawaih (w.180H), Bakr bin Muhammad al-Mazini (w.240H) dan Muhammad bin Ahmad atau Ibn Kisan (w.299H) juga berpendapat kalimah *Allah* berasal daripada Bahasa Arab yang merujuk kepada zat Tuhan (Zulkifli dan Lukmanul, 2018).

Muhammad bin Fadhl al-Bakhli (w.319H) berpendapat kalimah *Allah* berasal daripada Bahasa Ibrani yang telah diArabkan. Kalimah ini diArabkan menjadi kata akar *lahan* yang bererti sesuatu yang mempunyai kuasa (al-Bakri, 2010). Dr. Sa’id ‘Abd al-‘Azim; seorang tokoh dakwah Mesir (lahir 1952M), berpendapat *Ilah* atau Tuhan merupakan kalimah yang sedia difahami secara makna keseluruhan (*kulli*). *Ilah* bermaksud Tuhan yang disembah manakala kalimah *Allah* berbeza dengan *Ilah* kerana ia merupakan kata nama yang khas untuk zat Allah S.W.T. sahaja (Sa’id, t.t.).

### **Konsep tauhid uluhiyyah dan tauhid rububiyah**

Pentafsiran ayat ke-3 menekankan konsep *tauhid uluhiyyah* dan *tauhid rububiyah* untuk diamalkan ke arah mempercayai keesaan dan kekuasaan Allah S.W.T. (*Ibid.*,:1:80). Menurut ‘Ali bin ‘Ali al-Hanafi Sadr al-Din, *tauhid rububiyah* menjelaskan bahawa hanya Allah S.W.T. sahaja pencipta yang mutlak dan *tauhid uluhiyyah* membawa pengertian bahawa Allah S.W.T. sahaja yang layak disembah tiada sekutu bagi-Nya (Sadr al-Din, 1418 AH). *Tauhid uluhiyyah* didefinisikan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida sebagai mentauhidkan Allah S.W.T., beribadat hanya kepada Allah dan tidak mensyirikan-Nya dengan yang lain (Muhammad Rashid, 1999:10:221). Jika salah satu hak peribadatan diberikan kepada yang lain selain daripada Allah, maka berlakulah penyelewengan dan terjadinya syirik kepada Allah dalam kontek tauhid ini (Ja’far Subhani, 1400).

*Tauhid rububiyah* turut menjelaskan kewajipan mempercayai keesaan Allah S.W.T. dalam hal penciptaan, penentuan perjalanan makhluk, pentadbiran alam dan penentuan syariat. Tauhid ini tidaklah bertujuan untuk membenarkan pegangan sebahagian *mushrikin* yang mengakui kewujudan Allah S.W.T. Tauhid ini perlu digandingkan dengan kefahaman *tauhid uluhiyyah* yang akhirnya akan membantah kepalsuan mana-mana fahaman yang mensyirikkan Allah S.W.T. (Muhammad Rashid, 1971).

Hamka mengutarakan konsep ini berdasarkan teori kaedah mengenal Allah S.W.T. yang mahsyur di kalangan sesetengah ulama *salaf*. Mereka membahagikan tauhid kepada tiga bahagian, iaitu *Tauhid Rububiyah*, *Tauhid Uluhiyyah* dan *Tauhid al-Asma wa al-Sifat*. Pembahagian tauhid ini kemudiaanya dikenali sebagai “*Tauhid Tiga Serangkai*” (Sadr al-Din, 1418). Mohammad bin ‘Abd Allah al-Mas‘ari (2004) mendakwa pembahagian tersebut merupakan istilah yang tidak pernah disebut di dalam nas dan tidak pernah diungkapkan secara sepakat di era *salaf*. Pembahagian ini didakwa muncul pada akhir abad ke-7 Hijrah atau kurun ke-13 Masihi menerusi *ijtihad* Abul Abbas Taqiy ad-Din Ahmad bin Abdus Salam atau Ibnu Taimiyyah.

Bakr Abu Zayd (w.1410M.) pula menyatakan bahawa pembahagian ini telah dinyatakan tokoh-tokoh ulama *salaf* sebelum Ibnu Taimiyyah seperti Abu Ja‘far Muhammad bin Jarir al-Tabari Ibn Mandah dan lain-lain (Zayd, 1410). Bagi pihak yang mengkritik Ibnu Taimiyyah, mereka percaya pembahagian tauhid ini dipelopori sendiri oleh Ibn Taimiyyah. Antara ulama yang berpendapat demikian ialah seperti Yusuf al-Dijwi, al-Sayyid Muhammad bin ‘Alawi al-Maliki al-Hasani, Mohammad bin ‘Abd Allah al-Mas‘ari dan Hasan bin ‘Ali al-Saqaf (Syukri dan Masakaree, 2019).

### **Mengetahui dan menyakini nama *al-Rahman*, *al-Rahim* dan kalimah *Malik***

Hamka menjelaskan bahawa nama *al-Rahman* dan *al-Rahim* amat penting. Justeru, Allah S.W.T. mendahulukan nama-nama ini dalam firman-Nya menerusi *Surah al-Fatihah*. Kedudukan nama-nama mulia ini untuk menyangkal fahaman manusia yang memandang buruk kepada konsep ketuhanan (*Ibid.*,:1:80). Ibn Kathir menjelaskan bahawa *al-Rahman* dan *al-Rahim* merupakan dua nama Allah S.W.T. yang berasal daripada kalimah *al-Rahmah* yang bermakna rahmat. Namun kalimah *al-Rahman* mempunyai pelbagai makna yang berkaitan dengan rahmat berbanding kalimah *al-Rahim*. Berdasarkan beberapa riwayat hadith, Ibn Kathir cenderung menyatakan bahawa *al-Rahman* ialah merujuk kepada nama Allah S.W.T. sebagai pengurnia rahmat di dunia dan akhirat manakala *al-Rahim* ialah merujuk kepada nama-Nya sebagai pengurnia rahmat di alam akhirat (Ibn Kathir, 2000). Al-Tabari mengulas pelbagai pendapat ulama dan menyatakan berlaku khilaf dalam soal ini. Antara pendapat yang terpilih ialah *al-Rahman* adalah bererti Yang Maha Pengasih terhadap seluruh makhluk manakala *al-Rahim* bererti Yang Maha Pengasih terhadap orang-orang yang beriman (al-Tabari, 1994).

Dalam pentafsiran ayat 4 *Surah al-Fatihah*, Pentafsiran Hamka menyentuh jenis-jenis *qiraat* pada kalimah *malik*. Pentafsiran yang dilakukan menyamai kaedah pentafsiran Imam al-Suyuti. Dalam pentafsiran, mereka seiringan menyatakan kalimah *maliki* jika dibaca dengan huruf *alif* selepas huruf *mim* adalah membawa maksud Allah S.W.T. menguasai *Hari Pembalasan*. Pentafsiran turut mentafsirkan *yaum al-din* dengan makna *al-jazaa'* iaitu *Hari Pembalasan*. Namun terdapat penambahan Imam al-Suyuti yang mentafsirkan *yaum al-din* dengan makna *Allah yang memiliki segala urusan pada Hari Kiamat* (al-Suyuti, t.t). Hamka juga menambah pentafsiran dengan menekankan *Khauf* (takutkan Allah) dan *Raja'* (mengharapkan rahmat Allah) sebagai persiapan menghadapi Hari Pembalasan (*Ibid.*,:1:84).

### **Mempratikkan iktikad permohonan hanya kepada Allah**

Pentafsiran ayat 5 *Surah al-Fatihah* adalah berhubung dengan seruan dan iktikad permohonan hanya kepada Allah S.W.T. Terlebih dahulu Hamka menjelaskan kewajipan setiap manusia adalah untuk beribadah kepada Allah sebelum melaksanakan sesuatu permohonan kepada Tuhan. Pentafsiran ini berdasarkan urutan kalimah dalam ayat. Hamka menerangkan kalimah *na'bud* adalah berhubung erat dengan kalimah *'ibadah*. Untuk merealisasikan makna ayat, bukti berakidah ialah memperuntukkan ibadah hanya kepada Allah.

Menurut Ibn Manzur (1997), Kalimah *'ubudiyyah* mempunyai hubungan yang erat dengan kalimah *'ibadah*. Maksud *'Ubudiyyah* ialah kepatuhan seseorang hamba terhadap segala arahan, rela meninggalkan segala larangan Tuhan dan menghadirkan perasaan diri yang hina ketika menunaikan tuntutan ibadah yang diamanahkan. Manusia diciptakan adalah untuk tujuan menunaikan *'ubudiyyah*. Pelaksanaan konsep ini adalah wajib dalam soal kepercayaan, perasaan jiwa, percakapan dan perbuatan. Sama sekali tidak dibenarkan melakukan syirik dalam peribadatan kepada Tuhan (al-Nabhani, 1994; al-Qaradhawi, 2015).

Hamka menekankan konsep *isti'annah* dalam ayat 5 *Surah al-Fatihah*. Beliau merumuskan *isti'annah* yang wajar dilakukan manusia ialah memohon petunjuk dan pimpinan ke jalan yang lurus (*Ibid.*,:1:87). *Isti'annah* berasal daripada kalimah *'aun* yang bermakna permintaan bantuan atau pertolongan. Dalam bentuk *isim maf'ul*, kalimah ini bermaksud meminta pertolongan.

*Isti'annah* sebahagian daripada perkara ibadah. Justeru tidak diharuskan ber*isti'annah* selain daripada Allah S.W.T. (Muhammad Syaltut,:1:64). Menyedari hal ini, Hamka menyatakan dasar tauhid melarang meminta terus kepada kubur guru atau orang alim di atas keyakinan penuh seperti bahawa orang yang telah mati berkuasa menunai hajat dan boleh menunai hajat sebagaimana orang yang hidup (*Ibid.*,:1:87). Dalam hal ini, Hamka hanya menyebut secara ringkas tanpa memperincikan tatacara *isti'annah* yang dibenarkan. Huraian mengenai perbezaan dengan *istighathah* (permohonan besertakan iktikad yang salah) tidak dinyatakan dalam pentafsiran.

Para ulama menyatakan terdapat *isti'annah* yang dibolehkan dan *isti'annah* yang diharamkan (al-Bakistani, 1986). *Isti'annah* berbentuk *tawassul* dibolehkan dengan syarat menepati petunjuk nas walaupun membabitkan perantaraan individu yang sudah mati seperti para Nabi, wali dan orang soleh (Abu Nizam, 1996). Menurut fatwa daripada Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili, memohon pertolongan Allah dengan perantaraan atau *tawassul* dengan para nabi dan orang soleh sama ada masih hidup mahupun sudah mati adalah diharuskan majoriti ulama *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Maksud *tawassul* di sini adalah bertawassul dengan kebaikan amalan mereka dan kedekatan mereka dengan Allah S.W.T. (al-Zuhaili, 2003).

Pendapat Ibnu Taimiyah sering dijadikan hujah bagi golongan Wahhabi untuk menghalang sebarang *tawassul* atau munajat di tanah perkuburan. Namun dalam pendapat beliau ada mengatakan bahawa menziarahi kubur untuk muhasabah diri adalah diharuskan bahkan disunatkan. Menurut pendapat Ibnu Taimiyah, hukum ziarah kubur itu ada dua macam: *ziarah syar'iyah* (ziarah yang dibolehkan) dan *ziarah ghair syar'iyah* (ziarah yang tidak dibolehkan). Ziarah yang dibolehkan adalah ziarah dengan maksud mendoakan penghuni kubur. Sedangkan ziarah yang tidak dibolehkan adalah ziarah yang dimatlamatkan untuk meminta hajat khusus, doa atau syafaat langsung dari penghuni kubur atau berdoa di samping kubur dengan keyakinan bahwa doa dengan cara itu sahaja yang akan lebih direstui Tuhan (Abdul Fattah, 2005).

Dalam pentafsiran ayat 5, Hamka menekankan kewajipan *isti'annah* hanya kepada Allah S.W.T. tanpa perbincangan yang mendalam. Penulis mendapati beliau sekadar mengingatkan bahawa perbuatan “*meminta terus*” kepada ahli kubur atau keris pusaka adalah salah. Perkataan “*meminta terus*” boleh dinilai sebagai meminta dengan iktikad yang salah,

melupakan Allah S.W.T sebagai penatijah permohonan dan mengabaikan ikhtiar tertentu seperti mencari pakar perubatan untuk mengubati penyakit.

### **Memohon petunjuk ilahi dan menjauhi golongan yang sesat**

Pentafsiran ayat 6 dan 7 *Surah al-Fatihah* mendedahkan kepentingan orang-orang yang beriman untuk memohon petunjuk Ilahi agar ditunjukkan jalan yang lurus dan sentiasa dipimpin di atas jalan yang lurus. Hamka mentafsirkan jalan yang lurus sebagai mengikuti agama, Kitab Allah dan memperoleh petunjuk yang mendatangkan kesejahteraan dalam kehidupan (*Ibid.*,:1:87-93).

Penekanan Hamka ini adalah selari dengan tuntutan akidah. Menurut Abu Ja'far al-Tahawi, aliran *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengariskan dua pedoman dalam beramal. Pertama; setiap muslim perlu menunaikan amalan dengan perantara ibadat seperti anggota badan yang sempurna dan tenaga. Kedua; Dalam melaksanakan amal, setiap muslim perlu memohon taufik dan hidayah. Ini kerana penentuan keselamatan dan natijah amal adalah milik Allah S.W.T. semata-mata. Sama sekali tidak boleh dinisbahkan kepada pihak lain. Justeru, perlu memohon kepada Allah S.W.T. agar memperoleh keberkatan hidup di dunia dan akhirat (al-Tahawi, 2000).

Dalam pentafsiran ayat terakhir *Surah al-Fatihah*, Hamka mentafsirkan golongan yang dimurkai dan golongan sesat dengan maksud yang umum. Pada dasar pentafsirannya, golongan yang dimurkai tidak segera dimaksudkan dengan golongan Yahudi dan golongan yang sesat dengan takwilan sebagai golongan Yahudi. Pentafsiran ingin menjelaskan bahawa mana-mana kelompok manusia boleh termasuk dalam kumpulan yang terlaknat tersebut (*Ibid.*,:1:92). Dalam mentafsirkan kalimah *al-dhalin*, Hamka lebih mengutamakan pentafsiran secara *al-ra'yi* tanpa menyandarkan semata-mata kepada dalil *al-ma'thur*. Ini bertujuan untuk mengembangkan makna golongan sesat sepanjang zaman yang terdiri daripada pelbagai bentuk kumpulan dan idealisme.

Pendapat yang mengatakan bahwa yang dimurkai adalah golongan Yahudi dan golongan yang sesat adalah golongan Nasrani adalah disandarkan kepada riwayat hadith al-Tirmizi daripada 'Adi bin Hatim al-Tha'iy daripada Nabi S..A.W. bersabda:

اليهودُ مغضوبٌ عليهم ، والنصارى ضالُّون

Maksudnya: Golongan Yahudi dimurkai atas mereka dan bagi orang-orang Nasrani, (dilaknat) kesesatan atas mereka.”

(Riwayat al-Tirmizi, hadith *sahih*, *al-Jami' al-Shahih Sunan al-Turmudzi*. No.2953)

Imam Muhammad Ibn Jarir al-Tabari (w.310H) banyak menghubungkan makna golongan yang dimurkai dan sesat dengan golongan Yahudi dan Nasrani berdasarkan beberapa dalil *al-mat'thur*. Dalam pada itu, beliau turut menyimpulkan bahawa terdapat hikmah kalimah Yahudi dan Nasrani tidak dizahirkan secara langsung menerusi ayat terakhir *Surah al-Fatihah*. al-Tabari mengatakan bahwa pada dasarnya Yahudi dan Nasrani adalah sesat dan dimurkai, namun Allah tidaklah menyebut secara khusus nama kedua-dua golongan itu. Kepentingan ayat ialah supaya terzahir punca mengapa kalangan golongan tersebut terkecuali daripada memperolehi nikmat petunjuk. Allah S.W.T. tidaklah melaknat golongan itu disebabkan identiti nama bahkan melaknat disebabkan sifat-sifat kekufuran utama yang ada pada diri mereka (al-Tabari, 1994).

Imam Muhammad bin 'Umar al-Razi (w.606H) mempunyai pentafsiran yang tidak terikat dengan dalil *al-ma'thur* dalam hal ini. Beliau menyandarkan makna golongan sesat ialah mana-mana golongan yang kafir dan golongan yang sesat ialah golongan munafik. Menurut Imam al-Razi, banyak nas al-Quran lebih mencela penyembah berhala dan orang-orang *mushrik* berbanding Yahudi dan Nasrani sehinggakan terdapat perintah untuk berhati-hati. Golongan Yahudi dan Nasrani ada yang tunduk kepada kebenaran namun golongan kafir menentang dengan kelompok yang besar dan kekufuran yang lebih dahsyat (al-Razi, 1995).

Golongan yang dijamin daripada terjebak dalam golongan sesat ialah umat Islam yang berjemaah dalam kesatuan akidah. Maksud jemaah ialah kelompok manusia yang benar-benar menjejak ajaran Nabi Muhammad S.A.W. dengan berbekalkan iman sepenuh hati. Inilah jalan yang lurus yang akan dipegang orang-orang yang mengaku beriman. Jemaah tersebut juga dikenali sebagai *firqah najiyah* atau kelompok manusia yang berjaya. Punca kesesatan golongan kiri ialah mereka bertindak meninggalkan ajaran sebenar Nabi Muhammad S.A.W. Ada kalangan mereka yang sanggup mengubah ajaran para nabi selepas kewafatan mereka (al-Tahawi, 2000).



Dalam tafsiran ulama *khalaf* seperti Muhammad Sayyid Tantawi, mantan Syeikh al-Azhar, beliau menjelaskan bahwa sesiapa yang kufur dengan prinsip jemaah bererti telah keluar daripada jalan petunjuk yang benar. Mengingkari prinsip tersebut bererti menyalahi fitrah, menyimpang daripada akal yang waras, melakukan keburukan dan akhirnya membawa kerugian di dunia dan akhirat (Tantawi, 1998).

### PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada pihak Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Perpustakaan USIM dan pihak yang terlibat secara tidak langsung dalam memberi sokongan dan kerjasama yang diperlukan penulis.

### KESIMPULAN

Hamka mentafsirkan *Surah al-Fatihah* dengan menggunakan kaedah *tafsir bi al-ma'thur* dan *tafsir bi al-ra'yi*. Namun latar pentafsiran lebih banyak didominasi *tafsir bi al-ra'yi*. Hasil daripada pendekatan ini, pengkaji mendapati pentafsiran *Surah al-Fatihah* mengandungi perbahasan akidah yang sederhana, memuatkan beberapa ijtihad dan menekankan penghayatan akidah berdasarkan fakta akidah yang masih umum. Pentafsiran *Surah al-Fatihah* dalam *Tafsir al-Azhar* adalah bersesuaian dengan orang awam dalam hal untuk mengetahui asas-asas akidah menerusi *Surah al-Fatihah* yang menjadi pendahuluan *al-Quran al-Karim*.

Antara rumusan yang dicapai ialah:

- a) Pendekatan *tafsir bi al-ra'yi* dimanfaatkan dalam bentuk penumpuan terhadap fakta-fakta umum akidah, syair, kisah iktibar dan pengemukaan pendapat ulama selain generasi Sahabat dan Tabi'in. Hamka menggunakan pendekatan *tafsir bi al-ma'thur* dalam pentafsiran ayat tertentu sahaja. Hamka lebih banyak menggunakan pendekatan *tafsir bi al-ra'yi* supaya *Tafsir al-Azhar* menjadi kitab tafsir moden yang bersesuaian dengan perkembangan ilmu dan menjadi perumus kefahaman ayat al-Quran berbanding kitab tafsir *turath* yang sering bergantung dengan nas *naqli*.
- b) Penekanan akidah ditekankan dalam setiap ayat *Surah al-Fatihah*. Hamka menekankan kewajipan seperti berikut:

- i. Kepercayaan terhadap Allah selaku Tuhan yang menciptakan seluruh alam.
- ii. Menghayati makna *al-Rahman* dan *al-Rahim*.
- iii. Kepercayaan terhadap penguasaan Allah S.W.T. secara mutlak pada Hari Pembalasan.
- iv. Kewajipan ber'*ubudiyah* dan *isti'anah* hanya kepada Allah S.W.T.
- v. Kewajipan memohon hidayah agar menjadi golongan yang mendapat nikmat dan terhindar daripada kesesatan.

Setiap penekanan akidah di atas menyamai keterangan akidah dalam aliran *khalaf* dan *salaf*. Meskipun Hamka lebih cenderung merumuskan pendapat akidah daripada aliran *salaf* namun beliau masih meraikan kedua-dua aliran tersebut. Ini dilakukan dengan mengungkapkan nama-nama tokoh akidah, fakta dan kalimah akidah tanpa mendatangkan sebarang bantahan. Untuk mengenali tuntutan akidah menerusi wadah pentafsiran al-Quran, masyarakat dapat mengusahakan menerusi pembacaan tafsir *Surah al-Fatihah*, *Tafsir al-Azhar*. Dengan inisiatif ini, masyarakat akan mengetahui asas-asas akidah yang masih dalam rangka *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

## RUJUKAN

- Al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar. (t.t.). *al-Imta' bi al-Arba'in al-Mutabyinah bishart al-Sima'*. : al-Dar al-Salafiyah.
- Al-Bakistani, al-Qadhi Habib al-Haq bin 'Abd al-Haq al-Farmalawi. (1986). *al-Masail al-Muntakhabah*. Yayinidir: Ihlas Kitabevi.
- Al-Bakri, Zulkifli. (2010). *Keabsahan Penggunaan Nama Allah SWT Hanya Untuk Orang Islam*. Putrajaya: Keluaran Khas Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-Dhahabi, Muhammad Husain. (2005). *al-Tafsir wa al-mufasssirun*. Misr: Maktabah al-Qahirah.
- Al-Mas'ari, Mohammad bin 'Abd Allah. (2004). *Kitab al-Tauhid 'Asl al-Islam wa Haqiqat al-Tauhid*. London: t.p. (tanpa penerbit).
- Al-Nabhani, Taqi al-Din. (1994). *al-Syakhsiyyah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Ummah.
- Al-Qaradhawi, Yusuf, Dr. (2015). *Halal dan Haram dalam Islam*. terj. Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.

- Al-Razi, Muhammad Fakhr al-Din. (1995). *Mafatih al-Ghaib*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman bin Abi Bakr dan al-Mahalli, Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad. (t.t.). *Tafsir al-Imamain al-Jalilain*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Tabari, Abu Ja’far Muhammad bin Jarir. (1994). *Jami’ al-Bayan ‘an Ta’wil Ay al-Qur’an*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Tahawi, Abu Ja’far Ahmad bin Muhammad. (2000). *Sharh al-‘Aqidah al-Tahawiyyah*. Terj. ‘Abdul Halim Ahmad. Yala: Markas Khidmah al-Mujtami’ al-Kuliyyah al-Islamiyyah.
- al-Tirmizi, (t.t.). *Al-Jami’ al-Shahih Sunan al-Turmudzi*. Beirut: Dar al-Fikr. Al-Zuhaili, Wahbah, Prof. Dr. (2003). *Fatawa Mua’sirah*, Damsyiq: Dar Fikr.
- Ahmad Nuruddin. (2002). *Metodologi Hamka dalam pentafsiran al-Quran: Tumpuan kajian kepada surah al-Ahzab*. Kuala Lumpur: Latihan ilmiah Sarjana Muda Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya.
- ‘Abd ‘Azim, Sa’id. (t.t.). *Qul Ya Ahl al-Kitab Lastum ‘ala Shai’*. Mesir: Darul Iman.
- Abdul Fattah Sayyid Ahmad. (2005). *Tasawuf Antara al-Ghazali & Ibnu Taimiyah*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar,
- Abu Nizam, (1996). *al-Durar al-Saniyah: Tahlil Ma’il al-Tawassul wa al-Istighathah wa al-Qubur*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Isma’il bin ‘Umar (2000), *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, Beirut-Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Manzur. (1997). *Lisan al-Arab*. Qahirah: Maktabah Taufiqiyyah.
- Ja’far Subhani. (1400). *Ma’alim al-Tawhid fi al-Qur’an al-Karim*. Ja’far al-Hadi (ed.), Tehran: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Khairuddin Said. (2013). *Gerbang Usul Tafsir*. Johor Baharu: Perniagaan Jahabersa.
- Mohammad Redzuan Othman, Prof. Dr. (2008). *Sumbangan Hamka Dalam Penulisan Sejarah Melayu di Alam Melayu. Pemikiran Hamka*. Suntingan Sidek Baba. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Rasyid Rida. (1971). *al-Wahy al-Muhammadi*. Qahirah: al-Maktab al-Islami.
- Muhammad Rashid Rida. (1971). *Tafsir al-Manar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Muhammad Sayyid Tantawi. (1998). *Al-Tafsir al-Wasit li al-Qur’an al-Karim*. Qahirah: Dar al-Nahdah Misr.

- Muhammad Syaltuth. (1990). *Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Terj. Drs. Herry Noer Ali. Bandung: Dipenogoro.
- Sa'id 'Abd al-'Azim, Dr. (t.t.). *Qul Ya Ahl al-Kitab Lastum 'ala Shai'*. Misr: Dar al-Iman.
- Sadr al-Din, 'Ali bin 'Ali bin Muḥammad bin Abi al-'Izz al-Hanafi. (1418H). *Sharh al-Tahawiyyah fi al-'Aqidah al-Salafiyyah*. Riyadh: Wizarah al-Syu'un al-Islamiyyah wa al-'Awqaf wa al-Da'wah wa al-Irsyad.
- Sidek Mohd Noh. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Syukri Nik Wan, Masakaree Ardae @ Nik Muhammad. (2019). Sejarah Pembahagian *Tauhid Rububiyyah, Tauhid Uluhiyyah, dan Tauhid Asma wa Sifat dalam Pengajian Usuluddin* (2019). Bandung: INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia. Volume 4/1, Februari.
- Zayd, Bakr Abu. (1410). *Fiqh al-Qadlaaya al-Mu'aashirah: Fiqh an-Nawaazil*. Riyadh: Dar-al-Salam Publications.
- Zulkifli Mohamad Albakri dan Lukmanul Hakim Hj. Hanafi. (2018). *Keabsahan Penggunaan Nama Allah SWT: Uruf, Fatwa dan Perundangan*. Nilai: Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa. USIM Press. eISSN: 0127-8886 | ISSN: 2232-1047 <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol2no1.119>